

KENYATAAN AKHBAR

MBPJ RAI HARI WARGA EMAS

Bersempena dengan Hari Warga Tua Kebangsaan dan Hari Warga Emas Petaling Jaya, Bahagian Pembangunan Komuniti, Sosial & Belia MBPJ dengan kerjasama Fakulti Sains Kesihatan UiTM akan bekerjasama untuk menganjurkan Program Warga Emas Sihat, Aktif, Ceria Hidup Sejahtera.

Program yang bermula pada jam 6.30 pagi hingga 11.30 pagi ini akan berlangsung pada 14 Oktober 2012 di Tasik Taman Jaya, Petaling Jaya. Penganjuran program warga emas ini diharap dapat menerapkan nilai-nilai murni antara komuniti agar dapat merapatkan jurang antara golongan warga emas serta golongan generasi muda.

Di samping itu juga, program ini dilihat dapat membantu golongan warga emas menjalani kehidupan lebih sihat, aktif dan ceria melalui kepentingan senaman, pemikiran yang positif, pemakanan dan gaya hidup sihat, mengekalkan taraf kesihatan yang optimum, kaedah menangani penyakit yang kerap dihadapi oleh golongan warga emas serta pengetahuan mengenai kebajikan kerjasama yang boleh disalurkan kepada mereka.

Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pembabitan warga emas dalam komuniti, meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dengan keperluan semasa serta memperkukuhkan kerjasama antara pelbagai sektor.

Antara Persatuan Warga Emas MBPJ yang akan terlibat untuk mejayakan program ini seperti Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Daerah Petaling, Persatuan Warganegara Kanan Selangor, Persatuan Senaman Dangong Daerah Petaling, Kelab Kebajikan Wanita Petaling Jaya Selatan, Persatuan Warga Emas Damansara Jaya dan Persatuan Bekas Tentera Malaysia, Cawangan Petaling.

Pelbagai acara menarik telah disusun bagi memeriahkan lagi Program warga emas ini nanti antaranya Larian Warga Emas Petaling Jaya, Persembahan Senaman Kumpulan Taman Jaya dan Demonstrasi Senaman Khas Warga Emas. Di samping itu juga, turut menanti pengunjung pada program hari tersebut ialah ujian kesihatan dan konsultasi warga emas, sukaneka khas warga emas, kaunter kesihatan warga emas, persembahan warga emas dan cabutan bertuah.

Antara tetamu kehormat yang akan hadir pada hari tersebut ialah Yang Berbahagia Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Cik Tiew Way Keng, Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Dekan Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi Mara.

Sebarang pertanyaan orang ramai boleh menghubungi Bahagian Pembangunan Komuniti, Sosial dan Belia di talian 03-7956 0203 atau datang terus ke Bahagian Sosial, Kebudayaan dan Pelancongan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Tingkat 7, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media.
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my